

# Jadikan Malaysia hab sumber peralatan perubatan global

**Kuala Lumpur:** Semua pihak perlu memainkan peranan menjadi-kan Malaysia sebagai hab sumber peralatan perubatan antarabangsa.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan demikian kerana industri peralatan perubatan penting serta berupaya memberi impak positif kepada ekonomi negara.

Sehubungan itu, katanya, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta institusi pengajian tinggi perlu menyokong usaha kerajaan menerusi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan bagi menjayakan hasrat berkenaan.

“Kerajaan juga sedar keperluan menyediakan persekitaran perniagaan kondusif bagi menggalakkan aliran masuk modal dan teknologi luar, sekali gus memastikan Malaysia kekal menjadi pilihan pelabur,” katanya.

Beliau berucap demikian ketika menyempurnakan pelancaran Ekspo Peralatan Perubatan Malaysia (MEDEX) 2019 yang turut dihadiri Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, di sini semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, peralatan perubatan menawarkan kepada penyedia penjagaan kesihatan peluang yang lebih baik dalam bidang berkenaan, namun ada keperluan untuk Pihak Berkuasa Peranti Perubatan membuat penilaian dari sudut pemilihan dan perolehan.

“Ini bagi memastikan isu keselamatan dan kualiti peralatan perubatan yang diperolehi, diuruskan dengan baik,” katanya.

Dr Mahathir juga berpuas hati dengan industri pengeluaran sarung tangan getah dengan Malaysia muncul sebagai pengeluar terbesar bersama sumbangan sebanyak 63 peratus pada peringkat global.

“Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan sarung tangan perubatan yang dihasilkan di Malaysia bagi 2014 hingga 2018 adalah RM4.2 bilion.

“Malah, pendapatan hasil eksport produk ini dijangka mencapai RM19.88 bilion tahun ini, sekali gus menunjukkan trend positif dalam industri terbabit,” katanya.



**Dr Mahathir diiringi Dr Dzulkefly** melawat pameran selepas pelancaran Ekspo Peralatan Perubatan Malaysia (MEDEX) 2019 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)